

bah

Mahathir - China

Daripada Abdul Rahman Sulaiman

PEMIMPIN CHINA SEPENDAPAT DENGAN MALAYSIA, KATA MAHATHIR

I

BEIJING, 16 Jun (Bernama) -- Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata di sini hari ini bahawa pemimpin Republik Rakyat China mempunyai pendapat yang sama dengan Malaysia mengenai beberapa isu dua hala, serantau dan antarabangsa.

Perdana Menteri berkata, beliau membolehkan tawaran itu setelah berbincang dengan Presiden China Jiani Zemin, Perdana Menteri Li Peng dan Pengerusi Jawatankuasa Tetap Kongres Rakyat Kebangsaan, Oiao Shi.

Dr Mahathir yang kini dalam rangka lawatan rasmi 10 hari ke negara China sebagai tetamu Li, memberitahu persidangan akhbar di sini bahawa beliau sangat berpuas hati dengan hasil rundingan-rundingan itu.

+Kami nampaknya mempunyai pandangan yang sama mengenai isu-isu dua hala, serantau dan antarabangsa," katanya.

Perkara-perkara yang dibicarkan semasa pertemuannya dengan pemimpin-pemimpin China dalam tiga hari lepas termasuklah kerjasama ekonomi, meluaskan perdagangan antara kedua-dua negara, pelaburan, hubungan China-ASEAN, keselamatan serantau termasuk isu Sparty's, perdagangan dunia, hak kemanusiaan dan demokrasi serta perang Bosnia.

Dr. Mahathir dikenali Duta Peringkat Antarabangsa sebagai pemimpin Yang tegas memperjuangkan kewujudan corak perdagangan sejagat yang lebih bebas dan yang lantana menakritik interpretasi Barat mengenai hak kemanusiaan dan demokrasi.

Beliau juga telah menakritik Amerika Syarikat dan sekutunya mengenai cara mereka menangani isu Bosnia-Herzegovina. -- Lagi.

16/06/12-55MST

CNS8714

U GB 16-06 00209 BAI59

bah

Mahathir - China 2 (Akhir) Beijing

Perdana Menteri yang jelas kelihatan oembira dengan hasil lawatannya, berkata bahawa lebih daripada 30 perjanjian dan Memorandum Persefahaman menaenai usahasama dan urusan lain telah ditandatangani oleh ahli-ahli perniagaan Malaysia yang mengiringi beliau dengan ahli perniagaan China.

+Hasil daripada ini, akan terdapat banyak sekali pertukaran dalam bidang perniagaan antara Malaysia dengan China. Saya berpuas hati dengan hasil yang dicapai sehingga ini dan saya harapkan terus mencapai kejayaan dalam lawatan seterusnya di negara ini," kata beliau.

Menaenai oendirian China dalam isu Sparty's, Dr. Mahathir berkata bahawa beliau telah diberi jaminan yang China bersedia untuk membincangkan isu berkenaan secara dua hala dengan negara-negara Yang terlibat.

+Saya berpuas hati dengan jaminan ini. Kita tidak menjangka isu ini diselesaikan dengan serta-merta," katanya.

Kepulauan Sparty sedang dituntut oleh China dan hampir semua negara ASEAN.

Apabila ditanya sama ada China membantah terhadap hubungan perdagangan yang rapat antara Malaysia dan Taiwan sedangkan pada masa yang sama Malaysia menaalakkan hubungan rapat dengan China, Dr. Mahathir berkata penakrifan Malaysia kepada Taiwan telah dikurangkan kepada semata-mata entiti ekonomi ekoran oenubuan hubungan diplomatik antara Kuala Lumpur dan Beijing.

+China tidak ada halangan dalam hal ini," katanya. -- Bernama.

RS NM.